

CATATAN HARIAN: AKTIVITI GOTONG-ROYONG

Khamis, 6 Ogos 2018

- 7.00 pagi : Murid-murid berkumpul di dewan sekolah dengan perasaan yang gembira.
- 7.15 pagi : Guru besar memberikan ucapan kepada murid-murid. Murid-murid mendengar ucapan guru besar dengan teliti.
- 7.30 pagi : Murid-murid menyediakan peralatan yang hendak digunakan seperti penyapu, cangkul, baldi, gunting, kain buruk dan sebagainya.
- 7.45 pagi : Aktiviti gotong royong pun bermula. Ada murid yang menyapu sampah, memotong rumput, mengelap tingkap, membersihkan longkang dan lain-lain lagi.
- 8.45 pagi : Murid-murid berehat sekejap kerana terlalu penat. Kami makan aiskrim yang enak untuk menghilangkan dahaga.
- 9.00 pagi : Murid-murid meneruskan aktiviti gotong-royong dengan penuh semangat supaya kawasan sekolah kelihatan bersih.
- 9.30 pagi : Aktiviti gotong-royong selesai. Kawasan sekolah kelihatan bersih dan cantik. Guru besar mengucapkan terima kasih kepada kami.